

## **KENYATAAN MEDIA**

**YB TUAN VEERAPAN A/L SUPERAMANIAM  
PENGURUSI JAWATANKUASA BERTINDAK  
KESIHATAN, ALAM SEKITAR, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
NEGERI SEMBILAN**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2020  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN  
DAN  
KEMPEN KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON  
SERTA  
KEMPEN PENGUMPULAN *HOUSEHOLD E-WASTE* DAN  
BARANGAN KITAR SEMULA**

**11 OGOS 2020**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Ozon Sedunia 2020 Peringkat Negeri Sembilan dan Kempen Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon serta Kempen Pengumpulan *Household E-Waste* dan Barangian Kitar Semula pada 18 September 2020 (Jumaat) bertempat di Dewan Perdana Tampin, Negeri Sembilan yang akan dirasmikan oleh YB Exco, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan. Tema sambutan pada tahun ini ialah “Ozone for Life”.

Aktiviti-aktiviti yang akan diadakan pada sambutan tersebut adalah ceramah, pameran dan kempen pengumpulan *Household E-Waste* dan barangian kitar semula. Peserta aktiviti terdiri daripada wakil agensi-agensi kerajaan dan swasta, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Rakan Strategik JAS Negeri Sembilan dan masyarakat setempat.

JAS Negeri Sembilan juga akan membuat hebahan melalui radio dengan kerjasama Radio Negeri FM dan di laman rasmi *Facebook* Jabatan Alam Sekitar.

Bersempena dengan kempen pengumpulan *Household E-Waste* dan barang kitar semula, beberapa program bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di kawasan Dewan Undangan Negeri Tampin iaitu Repah, Gemencheh dan Gemas akan dilaksanakan sebelum sambutan Hari Ozon yang mana program ini bertujuan untuk menguar-uarkan kepada masyarakat setempat supaya bahan-bahan buangan ini dilupuskan atau dikitar semula dengan cara yang betul.

Kerajaan Negeri Sembilan amat menyokong kempen dan program seperti ini demi kelestarian alam sekitar tempat tinggal kita selaras dan bertepatan dengan slogan Kerajaan iaitu Bersih, Muafakat dan Sejahtera dalam memacu halatuju pembangunan negeri ini.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**YB TUAN VEERAPAN A/L SUPERAMANIAM  
PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK  
KESIHATAN, ALAM SEKITAR, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
NEGERI SEMBILAN  
11 OGOS 2020**